

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA****KENYATAAN MEDIA****AIMAN AFIQ RAIH PINGAT WORLD SKILLS COMPETITION  
KAZAN 2019**

**Sepang, 28 Ogos 2019** - Pelajar Sekolah Menengah Sains Tunku Jaafar, Negeri Sembilan, Aiman Afiq Suradi, berjaya mengharumkan nama negara dengan membawa pulang satu pingat gangsa pada pertandingan WorldSkills Competition (WSC) Kazan 2019 yang berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Expo KAZAN, Russia pada 22 hingga 27 Ogos lalu.

Kejayaan itu diraih menerusi pertandingan kemahiran peringkat junior iaitu Operasi Drone dan pasukan negara turut berjaya membawa pulang sembilan Medallion for Excellence.

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam satu kenyataannya berkata, kejayaan pasukan negara ini adalah hasil kerjasama erat semua pihak termasuk agensi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pakar negara, jurulatih serta pihak yang memberi sumbangan dalam mengatur strategi dan pelbagai persiapan rapi.

Menurut kenyataan itu, menerusi pencapaian yang ditunjukkan peserta negara, secara tidak langsung memartabatkan bidang TVET negara serta membuktikan bahawa aliran TVET dapat melahirkan tenaga kerja kreatif, inovatif serta berkemahiran tinggi ke arah negara yang lebih baik.

“Pada WSC kali ini, negara menghantar seramai 24 peserta bertanding dalam 19 bidang kemahiran peringkat belia dan tiga bidang kemahiran peringkat junior.

“Peserta negara terdiri daripada pelajar Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA/ILKS), Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta pelajar sekolah menengah yang diketuai oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia sebagai Chief de Mission, Datuk Mahfuz Omar,” katanya dalam kenyataan itu.

WSC adalah pertandingan kemahiran paling berprestij di peringkat dunia yang diadakan dua tahun sekali dan disertai oleh belia berkemahiran dari semua negara anggota World Skills International (WSI).

Pertandingan kali ini, membabitkan sebanyak 63 negara bertanding dalam 56 bidang kemahiran dengan jumlah peserta seramai 1355 orang.

###

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Sumber Manusia**

**28 Ogos 2019**